

## DAERAH TUTONG TERUS PESAT MEMBANGUN



**D**AERAH Tutong adalah merupakan daerah yang ketiga terbesar di Negara Brunei Darussalam dengan keluasan 1,166 kilometer persegi dan kini mempunyai keramaian penduduk hampir 30,000 orang.

Daerah yang terbesar ialah Daerah Brunei dan Muara, diikuti Daerah Belait dan Daerah Temburong.

Daerah Tutong mempunyai lapan buah mukim yang terdiri daripada Mukim Telisai, Tanjong Maya, Pekan Tutong, Keriam, Kiudang, Lamunin, Rambai dan Ukong.

Mukim-mukim itu di bawah pengawasan lapan orang penghulu dan 31 orang ketua kampung yang telah dilantik oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

OLEH HAJI AHMAD HS

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berperanan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan.

Mukim Telisai mempunyai keluasan 74.5 kilometer dengan 2,163 orang penduduk dan 498 buah rumah. Mukim Tanjong Maya pula mempunyai keluasan 70.8 kilometer dengan keramaian penduduk 2,227 orang dengan 455 buah rumah. Mukim Pekan Tutong yang merupakan 46.0 kilometer dengan keramaian penduduk 13,050 orang dengan 745 buah rumah.

LIHAT MUKA 2



BANGUNAN tambahan Rumah Sakit Tutong, akan dapat mengurangkan kesesakan dan memberikan keselesaan para pesakit dan orang ramai yang berkunjung ke rumah sakit tersebut (atas sekali). Sementara gambar atas memperlihatkan sebahagian Kompleks Membeli-belah Daerah Tutong yang terdapat di Pekan Tutong.



SALAH sebuah taman rekreasi yang baru sedang diusahakan bagi menarik para pelancong ke Daerah Tutong.

## DAERAH TUTONG TERUS PESAT MEMBANGUN

### Dari muka I

Manakala Mukim Keriam mempunyai keluasan 115.0 kilometer dengan keramaian 4,521 orang penduduk dan 742 buah rumah. Mukim Kiudang hanya mempunyai keluasan 74.0 kilometer dan 3,175 orang penduduk dengan 623 buah rumah.

Sementara Mukim Lamunin merupakan mukim ketiga terbesar dari segi keluasan daripada mukim lain iaitu 123.7 kilometer dengan penduduk 2,807 orang dan 697 buah rumah. Mukim Rambai merupakan mukim yang terbesar dari segi keluasan iaitu 513.5 kilometer dengan 816 orang penduduk dengan 187 buah rumah. Mukim Ukong pula yang kedua besar dengan mempunyai keluasan 144 kilometer dengan keramaian penduduk 965 orang dan 245 buah rumah.

Dilihat dari segi keluasan di mukim-mukim itu kebanyakannya masih dikelilingi dengan hutan yang menghijau yang belum diterokai lagi.

Di samping itu Daerah Tutong juga tidak ketinggalan dalam arus kemajuan dan pembangunan yang berhubungkait dengan infrastruktur kemudahan asas sepertimana yang dialami oleh daerah-daerah lain.

Dari segi pembinaan sekolah, pada umumnya Daerah Tutong pada keseluruhan tempat dan juga kampung kini mempunyai sekolah sama ada sekolah peringkat rendah, menengah dan juga sekolah agama. Sekarang terdapat lima buah sekolah menengah yang sudah dibina di daerah itu.

Kemudahan perubatan juga dibina termasuk penambahan bangunan rumah sakit yang baru yang berhampiran dengan rumah sakit yang sedia ada bagi menampung lebih pesakit di daerah itu. Di samping itu juga perkhidmatan doktor terbang diberikan kepada penduduk pedalaman.

Jalan raya merupakan penghubung di antara Daerah Brunei dan Muara dan juga Daerah Belait. Penambahan lebuh raya kini dijalankan dan hampir siap di kawasan simpang Penanjong.

Pada dasarnya hampir keseluruhan kawasan kampung telah diberikan dengan kemudahan jalan raya penghubung iaitu sekurang-kurangnya dengan jalan raya

**KEMAJUAN** Daerah Tutong tidak dapat disangkalkan lagi, malah kemajuan dan pembangunannya juga sama sepertimana yang dijalankan di daerah-daerah lain. Daerah Tutong juga merupakan daerah penghubung antara Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait melalui lebuh raya yang kini sedang digunakan.

jenis berbatu, tidak termasuk di kawasan pedalaman.

Walau bagaimanapun bagi tempoh Rancangan Kemajuan Negara Ketujuh, semua jalan utama penghubung akan dinaikkan taraf ke jalan beraspal.

Sementara itu, tenaga elektrik dan juga kemudahan air

paip, setakat ini hanya beberapa kawasan sahaja lagi yang belum menerima bekalan berkenaan. Kawasan-kawasan itu hanya boleh dihubungi melalui sungai, iaitu Belabau, Supon dan sebahagian daripada Benutan yang hanya mempunyai penduduk sekitar lebih 200 orang.

Walaupun bekalan kemudahan itu belum lagi dibekalkan, namun demikian mereka telah pun dibekalkan dengan kemudahan generator elektrik dan kemudahan tangki air yang mana airnya diambil daripada sungai.

Pada dasarnya menjelang akhir tahun ini (1996), hampir

keseluruhan kampung menerima kemudahan-kemudahan berkenaan, tidak termasuk kawasan pedalaman.

Daerah Tutong juga mempunyai potensi dalam menarik ramai para pelancong dengan adanya alam semula jadi seperti taman rekreasi. Di mana terdapat tiga taman rekreasi telah dibina oleh Jabatan Daerah Tutong iaitu Taman Rekreasi Tasek Merimbun, Sungai Basong, Pantai Seri Kenangan dan satu lagi kawasan taman rekreasi akan dibuka di mana masih lagi diusahakan iaitu Taman Rekreasi Sungai Ikas yang terletak berhampiran dengan Lebuh Raya Tutong/Muara.

Mengenai sektor perniagaan di Daerah Tutong kini sudah bagai cendawan tumbuh di waktu hujan, ini dengan adanya usaha melalui penukaran syarat tanah, sektor perniagaan boleh dikatakan tumbuh di seluruh Daerah Tutong, khususnya jenis-jenis perniagaan kedai-kedai runcit dan kedai makan.

Dalam hal ini dapat dilihat perkembangan perniagaan yang paling besar bagi Daerah Tutong ialah pembinaan kompleks membeli-belah yang berdekatan dengan Pekan Tutong di mana dari segi saiznya sahaja telah melimpasi saiz kompleks perniagaan yang terdapat di Pekan Tutong itu sendiri.

Kemajuan Daerah Tutong tidak dapat disangkalkan lagi, malah kemajuan dan pembangunannya juga sama sepertimana yang dijalankan di daerah-daerah lain. Daerah Tutong juga merupakan daerah penghubung antara Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait melalui lebuh raya yang kini sedang digunakan.



KOMPLEKS sukan juga turut dibina di Daerah Tutong dalam usaha meningkatkan taraf kesukanan negara.

## Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

# ISI BATU BERSURAT DI ATAS BUKIT BRUNEI PADA T. M. 1410

OLEH  
HU KUAN

"Di atas beta adalah langit, di bawah beta adalah bumi, maka beta mendapat pemberian dan sumbangan dari tanah dan rakyat, beta mempunyai penduduk yang berdiam di bandar dan desa, mempunyai is-

ayahanda beta telah melaksanakan dasar muh-rah hati dan mencintai rakyat. Barangkali beta tidak mampu melaksanakan apa yang telah dijalankan oleh Allah dan ayahanda beta."

Raja PONI menyembah lagi : "Semenjak Duli Tuanku naik takhta, negeri beta telah berjalan dengan lancar, tiap-tiap tahun

kah laku bangsa asing lain. Bukan semua orang boleh berbuat demikian melainkan dia seorang mempunyai pengetahuan luar biasa. Menurut catatan, sejak dahulu kala ada raja yang percaya kepada Tuhan, ingin hendak mengetahui kebudayaan negeri beta, maka sendirinya telah datang ke istana untuk menyembah beta. Akan tetapi seorang raja yang datang bersama dengan membawa permaisuri, putera, kakak dan adik, sanak saudara dan menteri pengiring sekaligus, hanyalah raja PONI seorang sahaja.

Di antara raja-raja di sebelah barat daya tidak ada seorang yang lebih bijaksana daripada raja PONI. Keikhlasan raja PONI patut diukir di atas batu emas dan sehingga sampai ke syurga, nama raja PONI dapat tersebar luas dan lama. Boleh dikatakan bahawa ini adalah suatu hal yang amat mulia, agung dan termasyhur.

Maka beta khasnya menganugerahi nama gunung di negeri PONI sebagai 'Gunung Negeri Tenteram Sepanjang Masa' dan menganugerahkan tulisan supaya diukir di atas tugu peringatan untuk memuji moral luhur raja PONI agar dapat terlihat turun-temurun dan tidak akan rosak untuk selama-lamanya. Beta telah menggubah sajak sebagai berikut :-

*Sebagai pulau terletak di tengah lautan di sana tempat panas terik itulah negeri PONI berada ia mendapat asuhan moral yang tinggi hidup dan bekerja aman sentosa raja yang rajin dan murah hati*

*ingin sekali mencari sumber budi.*

*Maka di bawah bimbingan utusan China raja berazam pergi melawat bersama dengan permaisuri dan keluarga sesampai di istana raja bersembah.*

*Duli Tuanku laksana Allah memberi kami aman sentosa negeri-negeri dipandang sama darjat satu sama lain seperti sekeluarga beta kekurangan pendidikan budi maka sukar menyatakan isi hati.*

*Kapal samudera terpukul ombak besar angin ribut menggulung kapal layar betapa susah payah perjalanannya negara jauh pada zaman dahulu kala bukan mudah untuk datang bersembah apalagi raja PONI sendiri datang dengan membawa satu keluarga maka kebuidan dan keikhlasan raja setegas-tegasnya seperti batu permata negara-negara di daerah barat daya mana ada satu yang dibandingkan dengan kebijaksanaan raja.*

*Gunung besar yang menjulang tinggi adalah gunung agung di wilayah negara PONI ukiran surat di atas batu pergunungan ini mempersaksikan kebuidan raja yang tinggi dengan kebuidan raja ditunjukkan negara baru menjadi sentosa dan aman sejak itu turun-temurun menghormati dan memuja Dinasti Ming.*

*Kutipan daripada jilid 325 Min Syi.*

ALMARHUM raja PONI dahulu pernah berkata kepada Maharaja Ming sebagai berikut : "Atas kemurahan budi Duli Tuanku telah menganugerahi kami sebagai ningrat, dengan demikian maka wilayah beta telah termasuk dalam lingkungan kekuasaan Duli Tuanku.

Beta berharap agar gunung yang tertinggi di negeri beta dapat dinamai 'Gunung Negara Tenteram'. 'Raja PONI yang baharu juga mengatakan demikian, maka gunung itu telah dianugerahi nama 'Gunung Negara Tenteram Sepanjang Masa'. Maharaja sendiri telah mengarahkan tulisan batu bersurat dan mengarahkan kepada Cang Cian supaya tulisan itu diukir di atas batu bersurat. Isi tulisan itu adalah sebagai berikut :

Berkat perlindungan Allah terhadap negeri beta selama puluhan ribu tahun, mengangkat Tai Cu Kao menguasai seluruh dunia, semua rakyat telah hidup dalam tenteram dan sentosa. Almarhum Maharaja telah mendidik dan mengurus negara dengan kebuidan dan keadilan sehingga banyak negara asing datang ke negeri beta untuk menyatakan kesetiaan dan ramai utusan tak putus-putusnya datang ke negeri beta.

Semua ini adalah berkat kebuidan Allah. Selepas beta bertakhta beta telah mematuhi sistem yang sedang berlaku, beta akan dengan teguh melaksanakan dasar hubungan dengan luar negeri supaya dunia menjadi aman dan sentosa, beta menjalankan perlakuan yang sama kepada semuanya, tidak peduli jauh atau dekat semuanya sama darjat, ini adalah maksud beta yang sebenarnya.

Sekarang raja PONI dengan hati yang sangat tulus ikhlas dan maksud yang luhur datang untuk mengenal dari dekat tentang pendidikan dan kebudayaan di negeri beta. Dengan tulus ikhlas raja telah memimpin suatu rombongan termasuk keluarga raja dan menteri-

menteri pengiringnya dan telah belayar mengharungi samudera yang puluhan ribu batu jauhnya datang ke istana beta.

Untuk menyatakan keinginan dan hasratnya raja PONI telah bersembah : "Sebagai rakyat Duli Tuanku yang datang dari jauh itu beta telah menerima kebaikan budi Duli Tuanku, di bawah asuhan Duli Tuanku rakyat telah mencapai kekayaan dan kesejahteraan. Untuk dapat melihat dengan hormat wajah Duli Tuanku yang cerah laksana matahari dan bulan, beta berani menempuh perjalanan yang jauh dan sulit, dalam keadaan belum mendapat keizinan lebih dahulu daripada Duli Tuanku beta telah datang ke istana."

Raja PONI meneruskan

**MAKA beta sebagai rakyat di bawah kekuasaan Duli Tuanku yang berada di tempat yang jauh, tidak berani mengasingkan diri, beta telah melintasi gunung-gunung dan mengharungi lautan yang luas datang ke istana untuk menyatakan dan menyampaikan perasaan hati beta yang tulus ikhlas.**

tana untuk tinggal, mempunyai keluarga yang harmoni, bahan makanan dan barang-barang keperluan sehari-hari sangat cukup, negara yang kuat tidak berani menyerang dan negara yang besar tidak berani menindas, kesemua ini pada hakikatnya adalah pemberian Duli Tuanku, adalah jasa dan budi Duli Tuanku. Maka Duli Tuanku dapat disejajarkan dengan langit dan bumi. Akan tetapi, beta dapat melihat langit dengan mengangkat kepala sahaja beta dapat menginjak bumi dengan berjalan beberapa langkah sahaja, melainkan Duli Tuanku yang susah beta lihat kerana jaraknya terlalu jauh. Ini boleh dikatakan tidak adil sama sekali. Maka beta sebagai rakyat di bawah kekuasaan Duli Tuanku yang berada di tempat yang jauh, tidak berani mengasingkan diri, beta telah melintasi gunung-gunung dan mengharungi lautan yang luas datang ke istana untuk menyatakan dan menyampaikan perasaan hati beta yang tulus ikhlas."

Setelah mendengar semuanya itu, Maharaja berkata : "Allah dan ayahanda beta telah memberikan dunia ini kepada beta, mengarahkan beta untuk mengasuh dan mendidik rakyat beta, Allah dan

mendapat tuaian makmur, emas dan intan yang terpendam dalam pergunungan itu telah digali, pokok yang dahulunya tidak berbunga dan berbuah, berbagai jenis burung telah menyanyi berkicau, haiwan dan binatang semuanya menari dengan girangnya. Anak-anak dan orang tua dalam negeri semuanya mengatakan bahawa ini adalah berkat pengaruh moral daripada budiman China dan itulah sebabnya mengapa rakyat boleh mendapat balasan baik yang begitu banyak. Meskipun negeri beta jauh letaknya, tetapi negeri beta adalah di bawah kekuasaan Duli Tuanku juga, maka beta bertekad hati datang ke mari untuk menyembah kepada Duli Tuanku."

Beta memandang raja PONI bercakap dengan sopan santun dan tulus ikhlas, tingkah lakunya sesuai dengan tatasusila adat, berbeza dengan ting-

**SEKARANG raja PONI dengan hati yang sangat tulus ikhlas dan maksud yang luhur datang untuk mengenal dari dekat tentang pendidikan dan kebudayaan di negeri beta. Dengan tulus ikhlas raja telah memimpin suatu rombongan termasuk keluarga raja dan menteri-menteri pengiringnya dan telah belayar mengharungi samudera yang puluhan ribu batu jauhnya datang ke istana beta.**

**DI ANTARA raja-raja di sebelah barat daya tidak ada seorang yang lebih bijaksana daripada raja PONI. Keikhlasan raja PONI patut diukir di atas batu emas dan sehingga sampai ke syurga, nama raja PONI dapat tersebar luas dan lama. Boleh dikatakan bahawa ini adalah suatu hal yang amat mulia, agung dan termasyhur.**

Lokasi : Dalam Bilik Kerjaku;  
Tarikh : 16 Ogos, 1993 (Isnin);  
Waktu : Tengah Hari;  
Cuaca : Panas Lepas Hujan  
Pagi.

## DETIK YANG BERLARI

**B**ODOH. Aku merasa tidak senang melihat keadaan sekeliling yang banyak mengacau fikiranku. Jam pada digital diariku berbunyi. Tepat pukul 12.00 tengah hari. Radio kerani di bilikku terus berbunyi dengan lagu yang membosankan. Aku memerhatikannya juga dalam mood bosan. Seorang petugas pejabat lain masuk ke bilikku. Ia masih memakai kaca mata hitam walaupun bilikku tidak berapa terang kerana cahaya matahari terlindung oleh papan kenyataan yang menutup jendela.

Aku duduk melayan perasaan. Menguap lagi. Memang tadi mataku kelat. Kurang tidur? Mungkin. Tapi aku tidur seperti biasa saja semalam. Ya, semalam aku mengingati aku bermimpi dengan kekasihku lagi. Tapi aku tak pasti ceritanya. Yang aku tahu hanya aku terlalu rindukannya sehingga aku teringat tentang hari jadinya ketika aku minum pagi tadi. Aku bercadang hendak membeli kad hari jadi dan mengirinya.

"Sudah dapat alamat kakak yang baru?"

"Belum."

"Kakak kirim salam."

Bagaimana dia sekarang? Aku sendiri pun tidak mengetahui kerana sudah lama kau tidak mendengar khabar darinya. Cuma sesekali aku mencuri berita daripada adik perempuannya. Laut China Selatan bergelora. Khabarnya di situ banyak minyak.

Seorang petugas pejabat yang masuk tadi kembali ke bilikku sambil menari-nari mengikut rentak muzik dari radio kerani di meja depanku. Bangkok: Pelajar-pelajar semakin nekad dan mengamuk. Akibatnya seorang pelajar terbunuh dan berpuh-

puh cedera sementara lebih seratus orang ditangkap. Masalah kesesakan lalu lintas semakin buruk. Ada pemimpin mengadakan parti keseronokan dengan mengundang penyanyi alias 'callgirl'. Aku membaca semua berita itu dalam Asia-week. Mengeluh kecil. Bukan marah atau malas tapi lemah.

Aku tidak begitu cergas hari ini. Di luar cuaca redup saja. Tadi selepas minum pagi hujan lebat turun sekejap. Aku menguap lagi. Di Filipina, Estrada cuba memerangi masalah jenayah dan seks. Seingatku kawasan di Mabini Street sudah ditutup dan label kawasan lampu merah cuba dimalapkan. Aku teringat ketika aku dibawa melawat ke situ. Aku dilarang mengambil video semasa menaiki 'jeepney alex'.

"Engkau perasan tak lampu jalan tidak menyala?" Soalan Othman Zainuddin menarik perhatiannya untuk memerhatikan lebih jelas lagi keadaan jalan di sekitar Manila pada suatu malam lebih kurang seminggu selepas Amerika Syarikat melancarkan serangan pertama dalam drama Perang Teluk ke atas Iraq.

"Makati area is for rich people." Alex yang mengaku panciran Melayu memberi penjelasan ketika kami mengelilingi Bandaraya Manila pada waktu malam-malam terakhirku.

Alex kujumpai sewaktu menghadiri majlis makan malam anjuran Sekolah Akademi Filem Filipina di Manila. Dia pernah bekerja di Negara Brunei Darussalam. Malam itu aku juga berbincang mengenai perniagaan dengan Alex. Tapi sampai sekarang Alex masih berdiam diri. Cuma

### OLEH ZEFRI ARIFF


ada kirim salam. Itu pun melalui Cleo yang pulang bercuti ke negaranya tiga bulan sudah.

Dari Asiaweek yang kubaca tadi ada laporan daripada peminat Ailen Tan. Aku teringatkan Ailen pula. Seorang aktris dan model dari Singapura. Kami bergambar ramai di depan Hyatt Regency Hotel di Manila Boulevard sebelum berpisah kembali ke negara masing-masing. Dia memang peramah dan dia memberikan gambar potret serta alamatnya kepadaku.

Tapi setiap kali aku berkunjung ke republik itu aku tidak pernah menghubunginya. Cuma dalam dua bulan lepas ketika ada pertemuan dengan beberapa kenalan lain dari republik itu keinginanku untuk berhubung dengannya tiba-tiba muncul. Nantilah aku tulis kad ucapan selamat kepadanya. Mungkin dia sudah lupa dengan aku. Maklumlah selalunya kalau orang sudah glamour mudah lupa kenalan.

Aku menghala nafas lagi dan memandang jam tangan. Masih ada masa menunggu Zuhur. Siapa pula akan jadi imam hari ini? Imam muda atau imam berjambang itu. Kalau imam muda yang masih dalam latihan itu kadang-kadang makmum tidak puas hati kerana bacaannya terlalu cepat dan suaranya tidak jelas. Kalau imam jambang wiridnya tidak panjang. Imam muda itu memang terlalu muda. Alhamdulillah muda-muda lagi sudah jadi imam.

Aku mengingati bilal di Sekylen 14 Petaling Jaya, Selangor, tempat aku pernah tinggal lebih dua tahun sewaktu mengaji dulu. Bilal itu sudah tua dan suaranya serak. Setiap kali ia bahang, jelas dapat dikenal pasti suaranya. Setiap petang lepas Asar aku perhatikannya dengan basikal buruknya kembali ke



rumah atau terus ke warung tepi jalan. Kadang-kadang aku melihat wajahnya seperti hampa kerana biasanya jemaah Asar amat kurang. Paling tidak pun dia seorang. Di warung itu kalau petang-petang pukul empat pasti ramai orang. Orang balik dari kerja kilang, kerja pejabat, pemandu teksi, lori dan macam-macam. Ada juga pelajar seperti aku. Balai ibadat tempat itu sebenarnya wakaf. Tiada biaya tertentu untuk menguruskannya.

Pernah satu ketika sekumpulan usrah datang berkunjung ke rumah kami yang hanya dua unit selisih dengan balai ibadat itu; mereka mengajak kami datang beramai-ramai waktu Maghrib dan Isyak. Kawan-kawanku sedikit terkejut. Kami mengiakan.

Waktu Zuhur hampir tiba.

Aku ke masjid dulu.

Rehat 12.19 tengah hari.

(Bersama jemaah lain di Masjid Serusop. Cepat. Kemudian ke rumah Rosli dan dijemput makan tengah hari oleh isterinya. Aku makan sedikit kerana masih kenyang. Isterinya bertanyakan video dan foto yang aku ambil untuk MAI.)

Pukul 1.22 petang aku kembali ke meja kerjaku. Di sebelah bilik dua tiga orang rakan kerja masih bersantai berbicara hal-hal rutin. Hal duit. Hal keluarga. Hal nombor. Hal mimpi. Macam-macam. Tadi bayanganku meleset apabila bukan imam muda atau imam jambang mengimamkan sembahyang fardu Zuhur tetapi imam sahal. Imam sahal tidak berwirid, terus doa. Aku seperti biasa selepas berjemaah duduk di tangga masjid. Seorang kawan penulisku seperti biasa bertukar khabar. Kami ke rumahnya yang berhampiran dengan masjid. Bercakap tentang pelayan kapal terbang Myanmar Airways International yang baru saja menamatkan kursus yang dikendalikan oleh Royal Brunei Airlines.

Aku teringatkan Anum, seorang pramugari Penerbangan Malaysia yang bersama kami dalam rombongan meronda le Mabini Street. Rupanya Anum anak saudara kepada Pak Lah. Aku sudah lama tak jumpa Pak Lah setelah ia menamatkan kontraknya dengan DBP Brunei. 2 bulan lepas sewaktu aku berkunjung mendengar ceramah Profesor A Theauw, seorang pakar sastera Indonesia dari Eropah, di Institut Bahasa dan Kebudayaan Melayu di UKM, aku terjumpa Pak Lah yang juga

ke situ. Kami sempat bertukar khabar sedikit.

Aku ke situ kerana menunaikan janji pertemuan dengan Dr. Solehah yang aku jumpa semasa mesyuarat di Bangkok pada minggu sebelum itu. Aku masih ingat AGI yang sudah lupa kami pernah berkenalan. Ia segera minta maaf kerana kelupaannya itu. Puisi-puisi AGI yang pernah aku baca dan dengar dan tonton sendiri sajak dan orangnya itu amat kusenangi. Memang aku menyukai gaya seperti itu walaupun di sini mungkin tidak banyak pengikutnya.

Jabar. Ya, tiba-tiba nama anak muda itu terlintas di fikiranku. Jabar kawan kepada Kancil. Aku beberapa kali terjumpa Kancil di Matic, kemudian di Pasar Budaya dan kali terakhir di Panggung Eksperimen UM ketika Grup Teater Keliling dari Jakarta mementaskan topeng-topeng sewaktu aku berkunjung ke Kuala Lumpur tidak lama dulu. Kata Kancil, Ladin kini berada di London mengikut isterinya yang sedang belajar. Ladin juga seorang daripada seniman aneh yang pernah aku temui. Perantau barangkali.

Uh, bila pula aku nak beli kad hari jadi untuk temanku itu. Tadi aku kata kekasih. Mungkin juga kekasih. Kekasih - teman apa bezanya? Aku menyukainya. Dia seorang sahabat yang aku kagumi. Cekal. Tidak mudah putus asa. Aku dulu pernah mengatakan bahawa cabaran itu penting. Bukan cabaran daripada orang lain tapi mencabar keupayaan diri sendiri. Dia berjaya. Aku tumpang gembira.

DARI MUKA 4

"Aku ingin jadi pakar."

"Berapa lama?"

"Mungkin dua tahun atau lebih. Tapi aku mesti dapatkan tempat dulu."

Diam.

Tidak ramai orang Melayu jadi pakar. Pakar ilmu. Pakar bidang. Pakar disiplin. Pakar profesional. Aku harap dia akan jadi pakar. Biar kikis imej Melayu, melayu.

Aku memerhatikan petugas di kaunter menguruskan tiket dan begnya yang baru saja ku-angkat ke penimbang.

"Bila kau hendak ke sana?"

"Aku lihat cuti dulu."

Tapi aku sudah lama tidak mendengar khabarnya. Aku mesti tuntutan kembali jejaknya. Aku mesti menghubunginya. Aku rindu. Betul. Aku rindu. Mahu rasanya ketika ini aku melompat dan berdepan dengannya. Jauh-jauh aku rasa dekat. Tapi tak tahulah. Perasaan ini mungkin hanya perasaan atau apa? Aku teringatkan Wani pula.

Diam.

Nafasku terus berhembus. Aku cuba mendengar kesan degup jantung. Menung. Tak tahu keadaannya sekarang. Ah, biarlah. Masa telah berlalu. Katanya kemahuan keluarga. Tradisi Melayu. Aku tidak menentang cuma terkilang. Lama sudah perkara itu berlalu. Biarlah.

Henti lagi.

Mataku memandang barang-

barang di atas meja; tidak pasti. Radio di depan masih berbunyi tetapi orangnya tidak ada. Mungkin masih bersembang di bilik sebelah. Dia dengan masalahnya. Aku terhenti lagi apabila pekerja yang berkaca mata hitam tadi masuk ke bilik memberikan video filem berjudul 'Kekasih Awal dan Akhir'.

Aku tak sempat bertanya kerana dia terus keluar. Wayang itu pernah ditayangkan di Panggung Bolkihah. Sesak. Penuh berdebut-rebut kata orang yang pernah melihatnya. Aku tumpang seronok dan gembira melihat ramai orang ke panggung. Tapi aku sendiri tak sempat menontonnya.

Di luar membersihkan bangunan sedang memvakum permaidani dan dia masuk ke bilik. Bunyi mesin vakum bising. Aku tak berapa suka bau mesin yang menyedut habuk itu. Ah kebanjiran pekerja asing lagi. Bukan Melayu. Habuk! Aku menyekat pernafasan.

Diam.

Henti.

Kadang-kadang bodoh juga rasanya melayan perasaan. Tapi aku terus berfikir juga mengapa harus melayan perasaan. Tadinya aku rasa mengantuk sekarang tidak lagi. Cuma sedikit sengal di tengkuk.

Diam lagi.

Kerani di depan masuk dan memasukkan sesuatu ke dalam begnya. Aku menguap kecil tapi tidak mengantuk. Sekarang aku betul-betul merasa bosan. Aku belum menyiapkan kerja yang sepatutnya aku siapkan pada tadi untuk diserahkan kepada

Jabar. Mungkin dia sedang menunggu artikelku. Biarlah. Melayu. Bertanggung sudah semacam bayang diri. Aku tak ada motivasi hari ini. Azza juga kata motivasi penting baginya. Anak muda Melayu yang pernah hidup belajar di negeri orang putih itu juga aneh. Dulu katanya dia bergaul dengan orang bukan Melayu di situ. Dan Melayunya layu untuk seketika.

Ya, banyak teman-teman rapatku orang aneh-aneh belaka. Rosli yang kini tinggal berdekatan dengan masjid itu juga aneh.

Diam lagi.

Kerani di depan menegurkan: Pinjam kunci bilik di depan sana.

Aku terhenti. Aliran bayanganku putus.

"Dalam kereta."

Aku berhenti dan keluar mengambil kunci bilik di dalam kereta.

Masuk ke bilik aku terbayang muka Hasanah, penyambut tetamu Hotel Manhattan di Bangkok. Cuma pada hari terakhir aku menginap di situ baru kukenali dia yang rupanya beragama Islam. Rupanya ada juga keturunan Melayu di tengah kota kuil itu. Memang sebelum itu aku tiada masa untuk meninjau-ninjau bahagian hotel tersebut kerana terikat dengan program mesyuarat. Orangnye antik, comel dan memikat. Cukup itu.

Bulan sudah ada dikirimkan poskad bertanya khabar. Aku belum membalas. Aku kadang-kadang memang lambat mem-

balas surat orang. Dr Chua pernah marahkan aku kerana tidak menghantar berita untuknya. Dr Chua itu juga orang aneh. Diperanankan di Indonesia. Besar di Singapura. Menyara hidup di Thailand. Seorang ethnomologist sepertinya memang ramai kenalan.

Aku kenal dengannya sewaktu dia berkunjung ke sini dan diperkenalkan oleh Cikgu Sumadi. Sejak itu kami terlalu rapat dalam bidang seni dan budaya. Kami juga pernah berjumpa di Kuala Lumpur. Dia banyak membantuku dalam menyampaikan kertas kerja dan menjawab soalan yang diajukan; aku jadi lebih yakin. Dia juga banyak memberi peluang kepadaku untuk berinteraksi dengan para sarjana lain di luar lingkungan batasan ASEAN.

Aneh.

Tanpa dirancang segala pertemuan itu.

Mungkin juga Frank sudah kembali ke Victoria, Australia selepas membuat kerja baik pulih bangunan milik Ku Su Nin di Pulau Pinang. Aku membaca khabarnya itu melalui poskad yang dikirimkan. Kata Frank, keluarganya berasal dari Great Britain. Cara dia bercakap yang selalu menggoyang-goyangkan badannya menarik perhatiannya. Kami berjumpa di Yogyakarta dalam Persidangan Antara-bangsa Parawisata Budaya.

Kami selalu bersama selama persidangan tersebut. Bincang banyak perkara. Dari hal bangunan lama kepada hal budaya. Nampaknya dia lebih banyak tahu hal rumah orang Melayu dan masyarakat Asia

daripadaku. Memang ke pentas berjumpa dengan pengurus dan penaja persembahan. Pemertanian yang kedua aku memerhatikan dari tepi belakang pentas. Seronok.

Aku mengeluh. Apa dibuatnya sekarang? Aku membuka digital diariiku. Waktu di sana baru pukul 6.20 pagi. Mungkin dia sedang tidur atau masih bekerja atau bercuti. Entah, aku tak tahu. perlukah aku kirim kad hari jadi untuknya. Mungkin dia sudah pindah alamat. Nantikan aku pastikan.

Aneh. Aku cuba membayangkan bagaimana seorang pakar Melayu sepertinya hidup di dalam masyarakat bukan Melayu. Ah! Itu perkara biasa. Orang Melayu sendiri juga menerima orang luar sebagai tuan. Tapi bila bertuankan Melayu mereka Melayu. Ah! Layu-layu pun tetap Melayu.

Kuperhatikan jam tanganku lagi. Pukul 2.22 minit petang. Malam ini aku ada kerja lagi. Aku cuma perlu mendengar suaranya seketika atau hanya membaca sepotong ayat tulisan tangan tertulis pada poskad atau hanya kiriman salam. Itu saja. aku terlalu rindu. Terlalu mengantuk. Bodoh juga rasanya berkeadaan begini. Ah! pada siapa hendak aku luahkan? Mungkin pada orang yang aneh-aneh. Mungkin hanya mereka yang dapat melayan bicara anehku.

Putus.

Diam.

Cukup. Cukup? Aku rasa cukuplah. Jam ditangan menunjukkan pukul 2:26 petang. Mataku hampir melayu.

PUISI

PERJALANAN

Di hadapan kita perjalanan panjang berliku-liku tak berkesudahan.

Bilakah perjalanan berakhir selagi kaki boleh melangkah.

Suganda

ISTERI

Engkaukah yang mengetuk pintu hatiku membuka kuncinya masuk ke dalam dan duduk.

Engkaukah itu yang datang semalam bersama tidur dan mimpi bangun di siang hari dan mandi.

Benarkah itu engkau yang duduk di sampingku menyaksikan bulan dan matahari bicaramu mesramu manjamu masih seperti dulu sama-sama mengisi ruang waktu.

Engkau seorang perempuan

milikku isteriku.

Masra

ANTARA DUA MEDAN

Antara dua medan inilah ceritanya.

Medan satu jauh, kauh sungguh apa yang berlaku memang aku Tidak kira tindak halal haram sama semua sama tanpa satu hala hanya pada rasa sahaja.

Pertimbangan akal yang tumpul terpendam dalam muzium sejak berzaman nyanyian lapuk sebagai hiasan dan lambaian zaman.

Segalanya pada sukat-sukat tanpa pedoman jiwa iman manusia anggap sudah genap dan sah walau segala laku di luar batas.

Nafsu tanpa mengenal batas bila segala perhitungan sia-sia ingatan jadinya kerana pedoman sudah gelap tiada janji bagi kehidupan mati harapan.

Ukuran setiap ikatan hanya pada duitan segala sedangkan hidup hanya sekejap waktu sahaja.

Medan Dua jauh sejauhnyanya, dekat sedekatnya apa yang dibuat sama sahaja.

Halal tetap satu hal mengharap restu tiap ketika jadi mustika abadi bukan hanya pada luaran.

Sejak zaman-berzaman nerca akal sebagai punca bekal satu kemestian dalam restu kepastian supaya satu timbangan esok pasti berdaya.

Sejak Subuh waktu gulmat menjadi mercu tanda dalam meneliti setiap ketika laluan dalam sukat-sukat malam diredai manusia berjanji pada Al-Faatihah.

Sentiasa sahaja nafsu bisu bagi satu ingatan selalu dalam perbuatan segala dalam imangan timbangan walau dunia atau akhirat sedia.

Memang duitan satu tabung buatan sifatnya bekal tawakal akhirat pasti pembalasan dari Yang Maha Kuasa supaya hari kemudian diberi rahmat.

LAPANGAN TERBANG CHANGI

Nama menjulang menderu pergi dan balik pelbagai bangsa wang dan kulit penjuru pelusuk dunia.

Nama semerbak sejembak sebutan setiap penjuru dunia besar dan bahana bandingan tiada tara.

Tiba waktu membuang segala pembersihan hukum sucikan kotor segala tiada setitik apa.

TUMASIK

Berapa abad berlalu kalau Nila Utama lalu

bagai kaca terhempas hati derita pasti.

Tiada sawo matang kulit ciku bersih hanya duka dirundung malang tiada terhingga.

Tenggalam segalanya, segala bagi permata di lautan mengenang nasib perit derita sekali.

Entah esok siapa yang tahu akan terjadi padanya.

M.A. Rahman

SEWAKTU-WAKTU

Sewaktu-waktu aku mengenang dan melayan igauan rindu yang mendakap sendiri menghitun debu ombak sama seperti leburnya hatiku tanpa kau di sisi.

Sewaktu-waktu aku mengenang garis khayalku seakan tercucuk oleh tajam renungan mata beningmu sendiri memendam sebuah rindu duka sama seperti terseksanya aku cuba melupaimu.

Namun kugagahi jua mengubati luka kesepian di hatiku teraba-raba melalui jalan samar dengan cahaya harapan mengunci hayat peribadi dalam semadi abadi kasihmu.

Alwi S.M.

# IKLAN-IKLAN إعلان-إعلان

## JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran : BOMBA LTN 1/1996

Projek : SUPPLY FOUR WHEEL DRIVE (4WD)  
FOR BRUNEI FIRE SERVICE

Bilangan Tawaran : BOMBA LTN 2/1996

Projek : SUPPLY BUS FOR  
BRUNEI FIRE SERVICES

**Syarat-syarat Tawaran :**

- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada :  
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Hal EHWAL Dalam Negeri,  
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan 1140,  
Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa 7 Mei, 1996.
- Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja kecuali hari-hari kelepasan awam dengan menunjukkan resit cagaran yang telah dibayar.
- Tawaran-tawaran yang diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Cagaran tawaran pembekal sebanyak \$100.00 (tidak dikembalikan) bagi tiap-tiap projek adalah dikehendaki dan \$250.00 (dikembalikan) kepada setiap tawaran yang benar (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya. Cagaran tawaran pemborong yang berjaya tidak akan dikembalikan.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan didalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk tawaran projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pembekal. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tarikh tutup tawaran sebagaimana yang dikeluarkan.
- Contoh lukisan dan katalog-katalog asal hendaklah disertakan bersama semasa borang tawaran dikembalikan.

Bilangan Tawaran : BOMBA LTN 3/1996

Projek : SUPPLY WATER TENDER LADDER  
FOR BRUNEI FIRE SERVICES

**Syarat-syarat Tawaran :**

- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada :  
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Hal EHWAL Dalam Negeri,  
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan 1140,  
Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa 14 Mei, 1996.
- Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja kecuali hari-hari kelepasan awam dengan menunjukkan resit cagaran yang telah dibayar.
- Tawaran-tawaran yang diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Cagaran tawaran pembekal sebanyak \$250.00 (tidak dikembalikan) bagi tiap-tiap projek adalah dikehendaki dan \$1,000.00 (dikembalikan) kepada setiap tawaran yang benar (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya. Cagaran tawaran pemborong yang berjaya tidak akan dikembalikan.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan didalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk tawaran projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pembekal. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tarikh tutup tawaran sebagaimana yang dikeluarkan.
- Contoh lukisan dan katalog-katalog asal hendaklah disertakan bersama semasa borang tawaran dikembalikan.

Bilangan Tawaran : BOMBA LTN 4/1996

Projek : SUPPLY LIGHT PUMPER FOR  
BRUNEI FIRE SERVICE

Bilangan Tawaran : BOMBA LTN 5/1996

Projek : SUPPLY MAIN (MOBILE) RESCUE UNIT  
FOR BRUNEI FIRE SERVICES

**Syarat-syarat Tawaran :**

- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada :  
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Hal EHWAL Dalam Negeri,  
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan 1140,  
Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa 21 Mei, 1996.
- Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja kecuali hari-hari kelepasan awam dengan menunjukkan resit cagaran yang telah dibayar.
- Tawaran-tawaran yang diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Cagaran tawaran pembekal sebanyak \$250.00 (tidak dikembalikan) bagi tiap-tiap projek adalah dikehendaki dan \$1,000.00 (dikembalikan) kepada setiap tawaran yang benar (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya. Cagaran tawaran pemborong yang berjaya tidak akan dikembalikan.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan didalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk tawaran projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pembekal. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tarikh tutup tawaran sebagaimana yang dikeluarkan.
- Contoh lukisan dan katalog-katalog asal hendaklah disertakan bersama semasa borang tawaran dikembalikan.

Bilangan Tawaran : BOMBA LTN 6/1996

Projek : SUPPLY EMERGENCY TENDER FOR  
BRUNEI FIRE SERVICES

Bilangan Tawaran : BOMBA LTN 7/1996

Projek : SUPPLY WATER TANKER (WT) FOR  
BRUNEI FIRE SERVICES

**Syarat-syarat Tawaran :**

- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada :  
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Hal EHWAL Dalam Negeri,  
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan 1140,  
Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa 28 Mei, 1996.
- Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja kecuali hari-hari kelepasan awam dengan menunjukkan resit cagaran yang telah dibayar.
- Tawaran-tawaran yang diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Cagaran tawaran pembekal sebanyak \$250.00 (tidak dikembalikan) bagi tiap-tiap projek adalah dikehendaki dan \$1,000.00 (dikembalikan) kepada setiap tawaran yang benar (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya. Cagaran tawaran pemborong yang berjaya tidak akan dikembalikan.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan didalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk tawaran projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pembekal. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tarikh tutup tawaran sebagaimana yang dikeluarkan.
- Contoh lukisan dan katalog-katalog asal hendaklah disertakan bersama semasa borang tawaran dikembalikan.

Bilangan Tawaran : BOMBA LTN 8/1996

Projek : SUPPLY RAPID INTERVENTION VEHICLE (RIV)  
FOR BRUNEI FIRE SERVICES

**Syarat-syarat Tawaran :**

- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada :  
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Hal EHWAL Dalam Negeri,  
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan 1140,  
Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa 4 Jun, 1996.
- Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja kecuali hari-hari kelepasan awam dengan menunjukkan resit cagaran yang telah dibayar.
- Tawaran-tawaran yang diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Cagaran tawaran pembekal sebanyak \$250.00 (tidak dikembalikan) bagi tiap-tiap projek adalah dikehendaki dan \$1,000.00 (dikembalikan) kepada setiap tawaran yang benar (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya. Cagaran tawaran pemborong yang berjaya tidak akan dikembalikan.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan didalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk tawaran projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pembekal. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tarikh tutup tawaran sebagaimana yang dikeluarkan.
- Contoh lukisan dan katalog-katalog asal hendaklah disertakan bersama semasa borang tawaran dikembalikan.

Bilangan Tawaran : BOMBA LTK 1/1996

Projek : MEMBEKAL PERALATAN KOMUNIKASI

Bilangan Tawaran : BOMBA LTN 9/1996

